

# PRINSIP *AL-IJARAH* DALAM KITAB *SULLAM AL-MUBTADI* KARANGAN SYEIKH DAUD AL-FATANI : ANALISIS PERBANDINGAN MAZHAB

**Dr. Mohd. Faisal Mohamed**

Timbalan Pengarah Unit Khazanah Ilmu Turath USIM,  
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
mohdfaisal@usim.edu.my

**Prof. Madya Dr. Azman Ab. Rahman**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
azman@usim.edu.my

**Syed Salim Syed Shamsuddin**

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
syedsalim@usim.edu.my

## ABSTRAK

Perkembangan perbincangan mengenai fiqh muamalah bermula sejak perutusan Nabi Muhammad s.a.w. kerana salah satu aspek yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah ialah mengenai aspek-aspek perekonomian dan muamalah. Dengan berkembangnya tamadun Islam maka perbincangan mengenainya turut berkembang, terutamanya dengan kemunculan ahli-ahli fiqh dan mazhab-mazhab Fiqh. Ahli-ahli fiqh adalah antara golongan yang telah memainkan peranan penting dalam mengemukakan idea berdasarkan dalil-dalil naqli mahupun aqli dan menyusun perbincangan mengenai fiqh muamalah dan ekonomi.<sup>1</sup> Ulama-ulama tradisi di Nusantara juga seperti Syeikh Daud al-Fatani tidak ketinggalan dalam memainkan peranan tersebut di Alam Melayu. Salah satu bahagian yang utama dalam perbincangan fiqh muamalah adalah mengenai *al-Ijarah* (sewa-menyewa). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan hukum-hukum yang terkandung dalam kitab *Sullam al-Mubtadi* karangan Syeikh Daud al-Fatani yang berdasarkan mazhab al-Syafi'i dengan mazhab-mazhab fiqh yang lain dengan menggunakan metod 'Content Analysis'.

**Kata Kunci :** *Al-Bay'*, *al-Ijarah*, Syeikh Daud al-Fatani, kitab jawi dan perbandingan mazhab.

## 1.0 PENGENALAN

Menurut Syeikh Daud, kontrak *Ijarah* ini adalah satu akad sewa menyewa antara *muajjir* (pemberi sewa) dan *musta'jir* (penyewa) dengan syarat-syarat tertentu. Apabila temeterainya kontrak tersebut maka ia akan menjadi akad *lazim* iaitu akad yang sempurna dan akad ini tidak boleh difasakhkan melainkan dengan kerelaan kedua belah pihak.<sup>2</sup>

## 2.0 BAHAGIAN-BAHAGIAN *AL-IJARAH* (*IJARAH 'AYN* DAN *IJARAH ZIMMAH*)

Selain itu, kontrak *Ijarah* ini terbahagi kepada dua iaitu *Ijarah Zimmah* dan *Ijarah 'Ain*. *Ijarah Zimmah* ialah sewaan bagi sesuatu yang tidak dapat dimanfaatkan objeknya secara langsung, manakala *Ijarah 'Ain* ialah sewaan sesuatu yang dapat dimanfaatkan objeknya secara langsung. Pembahagian ini memberi kesan langsung terhadap syarat menyerahkan bayaran sebaik sahaja memeterai kontrak. Menurut Syeikh Daud, dalam kontrak *Ijarah Zimmah* disyaratkan penyerahan harga atau upah sebaik sahaja kontrak dimeterai.<sup>3</sup> Oleh itu kontrak ini dianggap sama bentuk dengan konsep *Bay' al-Salam* kerana dalam kontrak *Bay' al-Salam* diwajibkan kepada penempah menyerah bayaran harga barang yang ditempah sebaik sahaja memeterai kontrak. Penangguhan

<sup>1</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking : A Survey of Contemporary Literature*. Leicester : The Islamic Foundation, h. 70.

<sup>2</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t.), *Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariq al-Muhtadi*. Fatani, Thailand : Matba'ah Halabi, h. 24.

<sup>3</sup> *Ibid*.

bayaran harga akan menyebabkan tidak sah kontrak tersebut.<sup>4</sup> Justeru, *Ijarah Zimmah* juga turut mempunyai konsep yang sama, cuma apa yang membezakan antara keduanya ialah dalam *Bay' al-Salam* subjek tempahan adalah berbentuk barangan fizikal, manakala dalam *Ijarah Zimmah* subjeknya adalah berbentuk manfaat. Dan pada *Ijarah a'in* pula tidak disyaratkan penyerahan harga ketika memeterai kontrak. Sebaliknya kontrak ini boleh dilakukan secara tunai ataupun boleh juga secara tangguh pembayaran harga manfaat tersebut.<sup>5</sup>

Berdasarkan klasifikasi kontrak *Ijarah* yang dikemukakan oleh Syeikh Daud serta implikasinya terhadap penguatkuasaan pembayaran harga secara tunai atau bertangguh, menunjukkan tanggapan bahawa kontrak *Ijarah* adalah merupakan sebahagian daripada kontrak *Bay'* adalah dengan beralasan. Seperti alasan yang telah dikemukakan dalam kontrak *Bay' al-Salam*, dan ketidakharusan kontrak *Ijarah Zimmah* dengan bayaran harga secara bertangguh adalah supaya tidak berlaku kontrak hutang dengan hutang. Kontrak *Ijarah Zimmah* dianggap satu kontrak yang telah mengandungi risiko kerana ia melibatkan sewaan sesuatu yang tidak dapat dimanfaatkan objeknya secara langsung. Justeru, risiko yang lain tidak wajar disertakan dalam kontrak yang sudah sedia mengandungi risiko, maka adalah tidak harus untuk melakukan pembayaran secara bertangguh.<sup>6</sup>

Pembahagian *Ijarah Zimmah* dan *Ijarah 'Ain* juga memberi kesan langsung terhadap pensabitan *Khiyar*. *Khiyar* ialah pilihan yang diberi kepada pihak yang berkontrak untuk meneruskan kontrak atau membatalkan kontrak tersebut dengan sebab tertentu atau tanpa sebab.<sup>7</sup> Menurut Syeikh Daud, dalam kontrak *Bay'*, *Khiyar* terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama *Khiyar Majlis*, kedua *Khiyar Syarat* dan ketiga *Khiyar 'Ayb*.<sup>8</sup> *Khiyar Syarat* ialah pilihan yang diberi kepada pihak yang berkontrak untuk meneruskan atau membatalkan kontrak kurang daripada tempoh tiga hari sejurus selepas memeterai kontrak atas permintaan masing-masing.<sup>9</sup> Manakala *Khiyar 'Ayb* ialah pilihan yang diberi kepada pihak yang berkontrak khususnya pembeli untuk memulangkan barangan belian yang mempunyai kecacatan.<sup>10</sup> *Khiyar Majlis* pula ialah pilihan yang diberikan kepada pihak yang berkontrak sejurus selepas memeterai kontrak untuk meneruskan atau membatalkan kontrak yang telah dibuat selama mana masih lagi belum berpisah dari majlis kontrak tersebut.<sup>11</sup>

Dalam kontrak *Ijarah*, Syeikh Daud hanya mengaitkannya dengan *Khiyar 'Ayb* sahaja. *Khiyar* hanya sabit dalam *Ijarah 'Ayn* dan tidak sabit dalam *Ijarah Zimmah*. Maka dalam kontrak *Ijarah 'Ayn*, sekiranya didapati bahawa barang sewaan itu rosak atau cacat sehingga terhalang untuk mendapatkan manfaatnya penyewa berhak untuk melakukan *Khiyar 'Ayb*.<sup>12</sup>

Bagi kontrak *Ijarah Zimmah* sekiranya terdapat kecacatan dan kerosakan, penyewa tidak berhak melakukan *Khiyar 'Ayb*, sebaliknya pemberi sewa perlu menggantikannya dengan sesuatu yang lain sehingga manfaat yang dibayar diperolehi.<sup>13</sup> Maka pendapat al-Syafi'iyah mengenai keuzuran yang tidak membatalkan kontrak adalah wajar berdasarkan asas kontrak *Ijarah* adalah kontrak yang *lazim*.<sup>14</sup> Begitu juga pendapat al-Syafi'iyah mengenai keuzuran yang meluputkan manfaat yang menjadi objektif utama, menyebabkan kontrak terfasakh serta pensabitan hak penyewa untuk melakukan *Khiyar 'Ayb* adalah beralasan.<sup>15</sup>

---

<sup>4</sup> *Ibid.*, h 21.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h 24.

<sup>6</sup> Namun, kontrak *Ijarah Zimmah* dengan bayaran harga secara bertangguh sudah menjadi amalan yang biasa dalam kegiatan ekonomi pada ketika ini. Sebagai contoh, sudah tidak menjadi sesuatu yang asing sekiranya bayaran khidmat penghantaran sesuatu barangan menggunakan perkhidmatan kapal yang disewa dilakukan dengan bayaran secara bertangguh. Walaupun begitu, penyerahan harga ketika memeterai kontrak juga dilihat penting khusus kepada pemberi manfaat supaya ia boleh dijadikan modal untuk memastikan khidmat dan manfaat yang telah dimeterai terlaksana. Maka dalam menilai kesesuaian terma ini, penulis berpendapat keperluan dan *uruf* turut perlu dijadikan pertimbangan dalam memastikan prinsip-prinsip *Maqasid Syari'ah* dan kemaslahatan kestabilan ekonomi dipelihara.

<sup>7</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t.), *op.cit.*, h 21.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 24.

<sup>13</sup> Jalal al-Din al-Mahalli (t.t.), *Kanz al-Raghibin*. J. 3. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyah, h. 121.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 126.

<sup>15</sup> Pendapat as-Syafie'iyah beralasan dan munasabah. Kontrak *Ijarah* adalah satu kontrak yang lazim seperti kontrak *Bay'*. Kontrak lazim tidak boleh dibatalkan sewenang-wenangnya melainkan dengan persetujuan kedua-dua pihak. Sehubungan dengan itu, jika kontrak tersebut secara mudah dibatalkan, maka ia akan memberi kesan negatif seperti kerugian dan sebagainya kepada pihak yang satu lagi khususnya pihak pemberi sewa. Walaupun begitu, dalam situasi tertentu, seharusnya pihak penyewa diberi hak untuk melucutkan kontrak tersebut lebih-lebih lagi jika manfaat yang ingin diperolehi daripada sewaan tersebut tidak kesampaian. Ini penting demi menjamin keadilan bagi pihaknya.

Sehubungan dengan itu, al-Syafi'iyah menyatakan bahawa tidak terfasakh kontrak dengan keuzuran yang berlaku terhadap sesuatu yang disewa selama mana tidak menafikan sama sekali manfaat yang diperolehi.<sup>16</sup> Sebagai contoh sekiranya seseorang menyewa sebidang tanah untuk bertani, kemudian tanamannya mati disebabkan cuaca yang terlalu panas atau serangan makhluk perosak, kontrak sewaan tanah tersebut tidak terfasakh kerana ia tidak memberi kesan kepada manfaat tanah tersebut.<sup>17</sup> Sebaliknya, sekiranya binatang tunggangan yang disewa mati dalam tempoh sewaan tersebut, terfasakh kontrak sewaan tersebut kerana jelas luput manfaatnya.<sup>18</sup>

### 3.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN DALAM KONTRAK *AL-IJARAH*

Selain itu, Syeikh Daud telah mensyaratkan bahawa manfaat tersebut perlu ditentukan atau diukur sama ada berdasarkan tempoh atau berdasarkan kerja.<sup>19</sup> Hal ini bergantung kepada bentuk manfaat kerana sesetengah manfaat sesuai untuk dispesifikasikan atau diukur berdasarkan tempoh dan sesetengah manfaat lagi sesuai untuk dispesifikasikan atau diukur berdasarkan kerja. Syeikh Daud mendatangkan contoh manfaat yang sesuai dispesifikasikan atau diukur berdasarkan tempoh seperti sewaan rumah atau kebun untuk tempoh sebulan, setahun dengan bayaran tertentu. Bagi contoh manfaat yang sesuai untuk diukur atau dispesifikasikan berdasarkan kerja adalah seperti menyiapkan sehelai pakaian dan sewaan tunggangan untuk perjalanan ke Madinah atau ke Jeddah.<sup>20</sup>

Adapun bagi pendapat as-Syafi'iyah menyatakan bahawa setiap kontrak *Ijarah* hanya boleh ditentukan ukuran dan spesifikasinya berdasarkan salah satu daripada dua cara tersebut. Jika sesuatu manfaat diukur dan dispesifikasikan berdasarkan kedua-dua cara tersebut secara serentak dalam satu kontrak, maka kontrak itu tidak sah.<sup>21</sup> Sebagai contoh seseorang mengupah pekerja untuk menjahit sehelai baju untuk tempoh satu hari. Ini adalah bentuk kontrak *Ijarah* yang manfaatnya diukur berdasarkan kerja serta tempoh. Pengupah menetap dan mengukur manfaat berdasarkan kerja iaitu menyudahkan jahitan sehelai baju dan dalam masa yang sama pengupah menetap dan mengukur manfaat berdasarkan tempoh iaitu manfaat bagi kerja menjahit untuk satu hari. Ini adalah tidak sah di sisi as-Syafi'iyah.<sup>22</sup>

Menurut Syeikh Daud, dalam kontrak *Ijarah* tangan penyewa adalah dianggap sebagai tangan pemegang amanah.<sup>23</sup> Ini bermakna, sesuatu yang disewa manfaatnya oleh penyewa adalah seolah-olah merupakan amanah yang diserahkan kepada penyewa dengan persetujuan dan kerelaan pemberi sewa atau pemilik. Justeru, sekiranya berlaku kerosakan terhadap sesuatu yang disewa manfaatnya, penyewa tidak perlu menggantikan kerosakan yang telah berlaku. Walaupun begitu, sekiranya kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiannya penyewa atau penggunaan yang melanggar persetujuan dan adat kebiasaan, penyewa tetap perlu menggantikan kerosakan tersebut kerana kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya penyewa tersebut.<sup>24</sup> Hal ini berbeza dengan tangan yang dianggap sebagai tangan *dhaman* atau tangan jaminan. Sekiranya penyewa dalam

---

<sup>16</sup> Jalal al-Din al-Mahally (t.t.), *op.cit.*

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 127.

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t.), *op.cit.*, h. 24.

<sup>20</sup> Muhammad Nur bin Ismail al-Fatani (t.t.), *Kifayah al-Muhtadi Pada Menerangkan Cahaya Sullam al-Mubtadi*. Fatani, Thailand : Maktabah Muhammad al-Nahri wa Awladuh, h 221-222.

<sup>21</sup> Jalal al-Din al-Mahally (t.t.), *op.cit.*, h. 109-110.

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 110. Ini adalah kerana sekiranya manfaat tersebut boleh diukur dan dispesifikasikan berdasarkan kedua-dua cara iaitu kerja dan tempoh, maka ia menimbulkan unsur-unsur ketidakjelasan dalam kontrak tersebut. Sesuatu kerja terkadang dapat disiapkan lebih cepat dari tempoh yang ditetapkan dan terkadang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan prinsip-prinsip Muamalah Islam, unsur-unsur ketidakjelasan perlu dihindari dalam memeterai kontrak. Ini adalah penting bagi menjamin keadilan dan hak bagi kedua-dua pihak yang berkontrak. Sebagai langkah alternatif, sekiranya kedua-dua cara tersebut digunakan dalam satu kontrak *Ijarah*, cara yang terlebih dahulu mencapai objektif tersebut akan dianggap berkuatkuasa juga boleh dijadikan sandaran untuk mengharuskannya. Sebagai contoh seorang mengupah tukang jahit untuk menyudahkan satu kerja iaitu menjahit bajunya dalam masa satu hari. Maka sekiranya baju tersebut siap dalam tempoh kurang satu hari manfaat diukur dan dispesifikasikan berdasarkan tempoh dan sekiranya baju tersebut siap dijahit lebih daripada satu hari manfaat diukur berdasarkan kerja. Walaupun begitu, adalah lebih baik supaya manfaat tersebut ditentukan ukuran dan spesifikasinya. Ini adalah kerana ia dilihat adalah langkah yang lebih cermat dalam menghindari unsur-unsur ketidakjelasan. Justeru, pendapat as-Syafi'iyah dalam isu ini dilihat lebih cermat.

<sup>23</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t.), *op.cit.*, h. 24.

<sup>24</sup> Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail al-Fatani (t.t.), *op. cit.*, h. 223.

isu ini dianggap sebagai tangan jaminan maka sebarang kerosakan sama ada dengan kecuaiannya ataupun tidak, penyewa perlu menggantikannya.<sup>25</sup>

#### 4.0 KESIMPULAN DAN ANALISIS PERBANDINGAN MAZHAB MENGENAI AL-IJARAH

Terdapat beberapa isu dalam kontrak *Ijarah* yang menjadi perselisihan dalam kalangan para ulama mazhab. Salah satu daripadanya ialah mengenai isu penentuan sewaan berdasarkan tempoh atau kerja. Fuqaha-fuqaha mazhab Hanafi berselisih pendapat antara mereka dalam isu ini. Menurut al-Imam Abu Hanifah sewaan hanya boleh ditentukan berdasarkan salah satu daripada kedua cara tersebut sama ada berdasarkan tempoh atau kerja.<sup>26</sup> Namun Muhammad bin Hasan dan Abu Yusuf berpendapat sewaan boleh ditentukan berdasarkan kedua-dua cara tersebut secara serentak dalam satu kontrak.<sup>27</sup> Ulama mazhab Hanbali pula berpendapat sekiranya manfaat sewaan tersebut berbentuk kerja atau tugas ia boleh dispesifikasikan berdasarkan kedua-dua cara tersebut secara serentak dalam satu kontrak. Sebaliknya, jika manfaat sewaan tersebut bukan berbentuk kerja atau tugas seperti sewaan rumah dan tanah, maka sewaan tersebut hanya boleh berdasarkan tempoh sahaja.<sup>28</sup> Al-Syafi'iyah serta ulama-ulama Maliki bersetuju dengan pendapat yang dipegangi oleh al-Imam Abu Hanifah di mana sewaan hanya boleh ditentukan hanya berdasarkan salah satu daripada dua cara tersebut. Sekiranya ia ditentukan dengan menggunakan kedua-dua cara tersebut secara serentak kontrak itu tidak sah.<sup>29</sup>

Seperti yang telah dibincangkan dalam perbincangan yang lepas, pendapat yang dipegangi oleh al-Syafi'iyah serta ulama-ulama yang sependapat dengan mereka dilihat beralasan. Hal ini disebabkan akan timbul unsur-unsur ketidakjelasan dalam kontrak jika manfaat tersebut boleh diukur dan dispesifikasikan berdasarkan kedua-dua cara iaitu kerja dan tempoh. Sesuatu kerja terkadang dapat disiapkan lebih cepat dari tempoh yang ditetapkan dan terkadang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Jika ulama-ulama yang tidak sependapat dengan al-Syafi'iyah berhujah bahawa sekiranya kedua-dua cara tersebut digunakan dalam satu kontrak *Ijarah*, cara yang terlebih dahulu mencapai objektif manfaat tersebut akan dianggap berkuatkuaasa, hujah ini juga dilihat boleh diterima dan relevan. Sebagai contoh seorang mengupah tukang jahit untuk menyudahkan satu kerja iaitu menjahit bajunya dalam masa satu hari. Maka sekiranya baju tersebut siap dalam tempoh kurang satu hari manfaat diukur dan dispesifikasikan berdasarkan tempoh dan sekiranya baju tersebut siap dijahit lebih daripada satu hari manfaat diukur berdasarkan kerja. Walaupun begitu, adalah lebih baik supaya manfaat tersebut ditentukan ukuran dan spesifikasinya. Ini adalah kerana ia dilihat adalah langkah yang lebih cermat dalam menghindari unsur-unsur ketidakjelasan. Berdasarkan prinsip-prinsip muamalah Islam, unsur-unsur ketidakjelasan perlu dihindari dalam memeterai kontrak.<sup>30</sup> Ini adalah penting bagi menjamin keadilan dan hak bagi kedua-dua pihak yang berkontrak.

Satu lagi isu yang diperselisihkan antara al-Syafi'iyah dengan ulama-ulama lain ialah mengenai pembatalan kontrak disebabkan keuzuran. Menurut ulama Hanafi kontrak *Ijarah* boleh terbatal disebabkan keuzuran yang berlaku.<sup>31</sup> Ini bermakna sebarang keuzuran yang menghalang penggunaan dan pengambilan manfaat sesuatu yang disewakan walaupun bukan disebabkan kecacatan langsung barangan tersebut membatalkan kontrak. Manakala al-Syafi'iyah berpendapat bahawa kontrak *Ijarah* tidak terbatal melainkan dengan keuzuran yang menghilangkan manfaat yang menjadi objektif kontrak tersebut.<sup>32</sup> Jumhur ulama selain ulama Hanafi juga mempunyai pendapat yang selari dengan pendapat al-Syafi'iyah.<sup>33</sup>

Ini bermakna berdasarkan pendapat al-Syafi'iyah, tidak terfasakh kontrak dengan keuzuran yang berlaku terhadap sesuatu yang disewa selama mana tidak menafikan sama sekali manfaat yang diperolehi.<sup>34</sup> Sebagai contoh, sekiranya seseorang menyewa sebidang tanah untuk bertani, kemudian tanamannya mati disebabkan cuaca yang terlalu panas atau serangan makhluk perosak, kontrak sewaan tanah tersebut tidak terfasakh kerana ia

---

<sup>25</sup> Muhammad bin Idris Al-Syafi'i, (t.t.), *al-Umm*. Beirut : Dar al-Fikr, h. 18.

<sup>26</sup> Burhan al-Din al-Marghinani (t.t.), *Al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi'*. J. 4. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyah, h. 19.

<sup>27</sup> *Ibid*.

<sup>28</sup> Ibn al-Qudamah al-Maqdisi (2004), *Al-Mughni*. J. 1. Lubnan : Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, h. 1247.

<sup>29</sup> Abi al-Walid Muhammad Ibn Rusyd al-Qurtubi al-Andalusi (2004), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqталid*. J. 4. Kaherah : Dar al-Hadith, h. 11. Jalal al-Din al-Mahally (t.t.), *op.cit.*, J. 3. h. 109-110.

<sup>30</sup> Ahamad Hidayat Buang (2000), *Studies in The Islamic Law of Contracts : The Prohibition of Gharar*. Kuala Lumpur : International Law Book Services, h. 41-44.

<sup>31</sup> Burhan al-Din al-Marghinani (t.t.), *op.cit.*, J. 4. h. 31-33.

<sup>32</sup> Muhammad bin Idris al-Syafi'i (1990), *op.cit.*, J. 4. h. 17. Jalal al-Din al-Mahally (t.t.), *op.cit.*, J. 3. h. 126-128.

<sup>33</sup> Abu al-Walid Muhammad Ibn Rusyd al-Qurtubi al-Andalusi (2004), *op.cit.*, J. 4. h. 14-16.

<sup>34</sup> Muhammad bin Idris al-Syafi'i (1990), *op.cit.*, J. 4. h. 17. Jalal al-Din al-Mahally (t.t.), *op.cit.*, J. 3. h. 126.

tidak memberi kesan kepada manfaat tanah tersebut.<sup>35</sup> Sebaliknya, sekiranya binatang tunggangan yang disewa mati dalam tempoh sewaan tersebut, terfasakh kontrak sewaan tersebut kerana jelas luput manfaatnya.<sup>36</sup>

Salah satu lagi isu yang menjadi perselisihan antara as-Syafi'iyah dengan ulama-ulama lain dalam kontrak *Ijarah* ialah mengenai persoalan adakah tangan penyewa dianggap sebagai tangan amanah atau tangan *dhaman*. Menurut al-Syafi'iyah tangan penyewa adalah tangan amanah.<sup>37</sup> Bermakna, sesuatu yang disewa manfaatnya oleh penyewa adalah seolah-olah merupakan amanah yang diserahkan kepada penyewa dengan persetujuan dan kerelaan pemberi sewa atau pemilik. Justeru, sekiranya berlaku kerosakan terhadap sesuatu yang disewa manfaatnya, penyewa tidak perlu menggantikan kerosakan yang telah berlaku. Walaupun begitu, sekiranya kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiannya penyewa atau penggunaan yang melanggar persetujuan dan adat kebiasaan, penyewa tetap perlu menggantikannya. Pendapat al-Syafi'iyah ini turut dipegangi oleh Juhum ulama selain ulama Maliki.<sup>39</sup> Sebaliknya pendapat ulama Maliki menyatakan bahawa tangan penyewa adalah tangan *dhaman* atau jaminan.<sup>40</sup> Ini bermakna sebarang kerosakan sama ada dengan kecuaiannya penyewa ataupun tidak, dia perlu menggantikannya. Antara sebab as-Syafi'iyah mengklasifikasikan penyewa sebagai tangan amanah dalam kontrak *Ijarah* adalah kerana pemberi sewa menyerahkan secara rela barangan kepada penyewa untuk disewa dengan bayaran.

## Rujukan

- Ab. Mumin Ab. Ghani (1994), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : JAKIM.
- Abdul Rahman Abdullah (2002), *Sejarah Tamadun Islam*. Batu Caves : Pustaka Ilmi.
- Afzal-Ul-Rahman (1994), *Doktrin Ekonomi Islam*. Terj. Zaharah Salleh. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Hidayat Buang (2000), *Studies in The Islamic Law of Contract : The Prohibition of Gharar*. Kuala Lumpur : International Law Book Services.
- Al-Bujairimi, Sulayman (1950), *Hasyiyah al-Bujairimi 'ala al-Manhaj*. Kaherah : Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Haytami, Muhammad bin Ahmad Ibn Hajar (2001), *Tuhfah al-Muhtaj*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mahalli, Jalal al-Din (t.t.), *Kanz al-Raghibin*. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Maqdisi, Ibn al-Qudamah (2004), *Al-Mughni*. Lubnan : Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Marghinani, Burhan al-Din (t.t.), *Al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi'*. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya (2002), *Rawdah al-Tolibin*. Beirut : Dar Ibn Hazm.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Al'Imad (1984), *Nihayah al-Muhtaj ma'a Hasyiyah al-Syubramulusi wa Hasyiyah Rasyidi*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t.) *Asybah wa al-Nazhoir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafie'iyah*. Kaherah : Dar al-Bayan al-Araba.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris (t.t.), *al-Umm*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad al-Khatib (2006), *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Anas Zarqa (1989), *Islamic Economics : An Approach to Human Welfare*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Asmadi Mohamed Naim (2003), *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Daud bin Abdullah al-Fatani. (t.t.), *Sullam al-Mubtadi*. Pulau Pinang : Dar al-Ma'arif.
- Hafiz Khalil al-Sakhawi (2004), *al-Bursah fi al-Fiqh al-Islami al-Mua'sir*. Daqahliyah, Mesir : Al-Jami'ah al-Azhar.
- Ibn Rusyd, Abi al-Walid Muhammad al-Qurtubi al-Andalusi (2004), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqatalid*. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Khurshid Ahmad (1989), *Problems of Research in Islamic Economics*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- M. Manzoor Alam (1996), *Perspectives on Islamic Economics*. New Delhi : Qazi Publishers & Distributors.
- Mat Saad Abd. Rahman (1983), *Penulisan Fiqh al-Shafi'i : Pertumbuhan dan Perkembangannya*. Bangi : Ikatan Studi Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

---

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 127.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Jalal al-Din al-Mahally (t.t.), *op.cit.*, J. 3. h. 122.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 122-123. Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafie' (1990), *op.cit.*, J. 4. h. 18, 38.

<sup>39</sup> Ibn al-Qudamah al-Maqdisi (2004), *op.cit.*, J. 1. h. 1286-1287. Burhan al-Din al-Marghinani (t.t.), *op.cit.*, J. 4. h. 23.

<sup>40</sup> Abu al-Walid Muhammad Ibn Rusyd al-Qurtubi al-Andalusi (2004), *op.cit.*, J. 4. h. 16-18.

- Muhammad Abdul Mannan (1986), *Islamic Economics : Theory and Practice*. Cambridge : Hodder and Stoughton.
- Muhammad Akram Khan (1983), *Issues in Islamic Economics*. Lahore : Islamic Publications Limited.
- Muhammad Nur bin Muhammad al-Fatani (t.t.), *Kifayatul Muhtadi Syarh Sullam Muhtadi*. Pulau Pinang : Dar Ma'arif.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking*. Leicester : The Islamic Foundation.
- (1989), *Pemikiran Ekonomi Islam : Satu Tinjauan Penulisan Semasa*. Mohd. Amin bin Abdullah (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Mohamed Yacop (1996), *Sistem Kewangan Islam di Malaysia : Teori, Amalan dan Prospek*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.
- Ole R. Holsti (1969), *Content Analysis for The Social Sciences and Humanities*. California : Addison-Wesley Publishing Company.
- Raihanah Abdullah (2010), “*Pendekatan Kualitatif dalam Bidang Pengajian Islam*” (Kertas Kerja Bengkel Penyelidikan Pengajian Tinggi di Auditorium Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 28 September 2010).
- Robert Philip Weber (1990), *Basic Content Analysis*. London : Sage Publications.
- Suruhanjaya Sekuriti (2006), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. C. 2. Kuala Lumpur : Suruhanjaya Sekuriti.
- Wahbah al-Zuhayli (2006), *Al-Mu'amalah Al-Maliyyah al-Mu'asarah*. C. 3. Beirut : Dar al-Fikr.
- Zaharuddin Abd Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam*. Kelana Jaya : Truewealth Sdn. Bhd.